

# I-Guru setuju saranan PM kaji semula subjek pendidikan Islam

**PETALING JAYA:** Ikatan Guru-Guru Malaysia Muslim Malaysia (i-Guru) bersetuju saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya subjek mata pelajaran Islam dikaji semula agar dapat memberi kefahaman jelas kepada pelajar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presidennya, Mohd. Azizee Hassan berkata, hal ini agar ia sesuai dengan perkembangan semasa hari ini.

“Kita perlu melihat apa yang mahu kita capai daripada subjek pendidikan Islam. Saya lihat,

pertama ia haruslah memberi kefahaman Islam yang betul berdasarkan al-Quran dan sunnah. Ini supaya pelajar kita mempunyai kefahaman Islam yang betul daripada sumber muktabar yang betul.

“Kedua, kita mahu supaya subjek pendidikan Islam ini menjurus kepada penghayatan, supaya bukan saja belajar dari sudut teori semata-mata tetapi, ia juga harus membina penghayatan kehidupan beragama dalam diri masing-masing,” katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, elemen penghayatan kurang ditekankan dalam subjek agama Islam sekarang ini, yang memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek itu diteliti semula.

“Kesannya, pelajar tidak dapat mengaplikasikan kandungan kurikulum itu dalam hidup mereka,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Azizee menegaskan, keperluan supaya pengajaran pendidikan Islam dapat menyediakan pelajar dengan jati diri serta kekuatan

dalam menghadapi ancaman musuh Islam yang lebih halus dan mencabar pada masa kini.

Justeru katanya, subjek pendidikan Islam haruslah mempersiapkan para pelajar muslim dengan kefahaman lebih mendalam bagi mendepani era moden yang jauh lebih mencabar.

“Kita sedang berdepan cabaran baharu dalam pendidikan Islam. Contohnya, dengan era digital serta cabaran baharu dunia maya yang wujud di dalamnya pelbagai ancaman,” katanya.